



14 MAR, 2024

Kastam serbu syarikat jual kurma Israel

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam serbu syarikat jual kurma Israel

Sebanyak 73 pek kurma dirampas dalam operasi di Lembah Klang

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
KLANG

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas kurma dipercayai dari Israel di tiga buah lokasi berbeza melibatkan sebuah syarikat makanan organik di negara ini.

Timbalan Ketua Pengarah JKDM (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad berkata, selepas perkara itu didedahkan di media sosial pada Isnin, pihaknya bertindak menyerbu tiga lokasi berbeza iaitu sebuah kedai di Petaling Jaya, manakala dua lokasi lain iaitu pejabat dan gudang di sekitar Klang.

Menurut beliau, kesemua lokasi tersebut diserbu pada Selasa bermula jam 11.30 pagi.

Kata beliau, dalam serbuan yang dilakukan, seorang lelaki tempatan berusia 40-an dipercayai pemilik perniagaan ditahan bagi membantu siasatan.

Beliau memberitahu, hasil siasatan awal mendapati kurma dari Israel tersebut dibeli secara pukal bersama barang-barang makanan organik lain dari sebuah negara di Eropah.

“Setelah tiba di negara ini, kurma secara pukal itu dibungkus semula namun isi kandungan atau nutrisi kurma itu perlu disenaraikan pada



Sazali (dua dari kanan) menunjukkan kurma Israel yang dirampas di tiga lokasi di Petaling Jaya dan Klang, Selangor pada Selasa.

label bungkusan.

“Pada label pek kurma tersebut terdapat nama asal negara produk itu diperolehi iaitu Israel,” kata beliau dalam sidang akhbar pada Rabu.

Mengulas lanjut, Sazali berkata, pihaknya merampas 73 pek kurma seberat 14.6 kilogram jenama ‘Organic Jumbo Medjool Dates’.

Menurut beliau, rampasan kurma tersebut dianggarkan bernilai RM678.

Jelas beliau, kurma Israel berkenaan telah diikrarkan bersama makanan organik lain dan dipercayai

telah dibawa masuk ke Malaysia pada tahun 2022.

Jelas beliau, kurma dari Israel itu telah lama diimport dan disimpan dalam peti ais.

Beliau berkata, harga pek kurma dari Israel itu seberat 200 gram dijual di pasaran pada harga antara RM20 hingga RM30.

“Kita akan membuat siasatan secara lebih strategik berhubung perkara ini dengan melihat sistem dan borang pengikraran barangan yang dibawa masuk ke negara ini,” ujarnya.



14 MAR, 2024

Kastam serbu syarikat jual kurma Israel

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Sebanyak 73 pek kurma dirampas dalam operasi di Lembah Klang

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas kurma dipercayai dari Israel di tiga buah lokasi berbeza melibatkan sebuah syarikat makanan organik di negara ini.